

Penyampai : DATO SERI DR. SITI HASMAH BT HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN LOGO, MASKOT & SKUAD KEBANGSAAN KEJOHANAN PERINGKAT AKHIR PIALA THOMAS/UBER 2000
Lokasi : PALACE OF GOLDEN HORSES
Tarikh : 03-02-2000

Saya mengucapkan terima kasih kepada BAM dan pihak penganjur kerana menjemput saya ke Majlis pada hari ini. Sememangnya sukan badminton sentiasa berada dalam hati saya. Walaupun saya tidak dapat berada bersama dengan anda semua, khususnya pemain-pemain kerana urusan-urusan yang lain, saya tetap mengikuti perkembangan badminton negara melalui media dan pegawai-pegawai BAM.

2. Kejohanan Peringkat Akhir Piala Thomas/Uber akan diadakan pada bulan Mei ini di Kuala Lumpur. Tidak perlulah saya mengingatkan betapa pentingnya kejohanan ini kepada BAM, penyokong-penyokong badminton bahkan kepada negara secara keseluruhan. Saya masih ingat kejohanan tahun 1992 di Stadium Negara di mana kita berjaya menjadi juara Piala Thomas selepas tempoh 25 tahun. Sepertimana dalam kata-kata Bahasa Inggeris, "words cannot fully express my joy, happiness and pride, and the whole nation's too," pada malam perlawanan akhir tersebut di mana kita berjaya menewaskan Indonesia.

Saya juga ingat pada tahun 1998 di Hong Kong di mana di luar jangkaan kebanyakan pihak lain, pemain-pemain kita berjaya masuk ke perlawanan akhir untuk bertemu dengan Indonesia. Saya berada di Hong Kong untuk bersama pemain-pemain kita di perlawanan akhir itu, dan walaupun kita tidak berjaya, saya amat berpuas hati dengan semangat pemain-pemain dalam bersaing mata demi mata dan walaupun tewas akhirnya tetapi pemain-pemain kita "fought very hard and there was no shame in the defeat" dalam tahun 1998.

3. Pada bulan Mei ini, kita akan bersaing untuk merebut juara Piala Thomas sekali lagi. Saya difahamkan bahawa pihak BAM dengan kerjasama dan sokongan Majlis Sukan Negara telah mengaturkan suatu program persediaan dan persiapan pemain yang terperinci dan sistematik ke arah matlamat untuk menjuarai Piala Thomas dalam alaf baru ini. Saya dimaklumkan bahawa pemain-pemain kita adalah "on track" dalam kempen ini dan kita mempunyai satu "equal chance" untuk menjuarai Piala Thomas. Saya mengakui pasukan-pasukan lain juga sedang dalam perancangan dan persediaan mereka, akan tetapi saya yakin bahawa pemain-pemain kita akan lebih bersiap sedia.

4. Dalam tempoh tiga bulan ini, saya meminta pemain-pemain kita memberi tumpuan sepenuhnya dalam latihan dan pertandingan yang diatitkan, dan bersiap secukupnya demi dapat "peak" semasa kejohanan di bulan Mei nanti. Selain daripada itu, jaga diri sendiri dengan baik dalam semua aspek, khususnya daripada segi kesihatan dan kecederaan. Elak daripada perkara-perkara yang memungkinan anda boleh cedera atau jatuh sakit. Saya akan melawat anda semua dari semasa ke semasa dalam tempoh tiga bulan ini untuk melihat dan bersama anda semua dalam persiapan menjelang kejohanan pada bulan Mei nanti. Semasa kejohanan nanti, saya akan cuba menghadiri perlawanan-perlawanan yang melibatkan pasukan kita, insya-Allah.

5. Bagi pemain-pemain wanita kita, saya menasihatkan bahawa anda semua juga memberi perhatian sepenuhnya kepada latihan dan pertandingan untuk bersaing di pertandingan Piala Uber nanti. Walaupun sasarannya bukan untuk menjuarai Piala Uber, tetapi saya berharap anda semua dapat menunjukkan prestasi dan memberi persaingan yang terbaik sekali supaya kita semua dan negara keseluruhan berbangga dengan prestasi dan pencapaian anda semua. Anda semua perlu ingat bahawa setiap kali bermain, anda mewakili negara dan 23 juta orang penduduk negara ini. "Give your very best", itulah harapan dan keyakinan kita semua kepada anda semua di bulan Mei nanti.

6. Daripada segi pengelolaan kejohanan, saya yakin bahawa BAM dengan pengalamannya yang luas akan dapat mengaturkan kejohanan ini dengan baik dan jayanya. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Syarikat Gold Bridge Engineering & Construction Berhad dan khususnya kepada Pengarah Urusannya, Dato Abdul Aziz Sheikh Fadzir, di atas persetujuan mereka untuk menjadi "Commercial Rights Company" bagi pengelolaan kejohanan ini. Dengan ini, Syarikat Gold Bridge bukan sahaja telah

membantu BAM daripada segi kos pengelolaan tetapi juga membantu negara kita memenangi tawaran menjadi tuan rumah kejohanan ini. Adalah menjadi harapan saya, sebagai Penaung BAM, bahawa penglibatan dan sumbangan Gold Bridge kepada BAM dan pembangunan badminton negara akan diteruskan bahkan dipertingkatkan lagi supaya kedudukan kita sebagai sebuah negara "kuasa dunia" dalam badminton sentiasa dikekalkan.

7. Saya difahamkan bahawa pelbagai program dan aktiviti telah dirancang dan diaturkan menjelang kejohanan ini. Saya berharap bahawa setiap lapisan masyarakat akan memberikan sokongan padu kepada kejohanan ini dan pasukan kita nanti. Logo dan maskot kejohanan ini adalah merupakan salah satu program bagi meningkatkan kesedaran dan sokongan orang ramai terhadap kejohanan ini. Saya juga berharap bahawa pihak media yang mempunyai saluran penting akan memainkan peranan mereka secara positif dan berkesan ke arah tujuan kita ini. Saya yakin bahawa dengan sokongan dan kerjasama semua pihak dan golongan, kempen kita untuk menjulang Piala Thomas akan lebih tertumpu dan berkemungkinan besar akan berjaya nanti.

8. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya melancarkan logo dan maskot Kejohanan Peringkat Akhir Piala Thomas/Uber 2000 di Kuala Lumpur dan juga untuk memperkenalkan pemain-pemain di dalam skuad kebangsaan bagi Piala Thomas/Uber 2000. Semoga dengan semua persediaan yang dilaksanakan selama ini sehingga berlangsungnya kejohanan di bulan Mei, saya mendoakan supaya kita akan beroleh kejayaan nanti, insya-Allah.
